

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KAPAR)**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih berada di negara ini dan berapa ramai dari kalangan mereka yang telah menerima sekurang-kurang satu dos suntikan vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat serius untuk mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara. Berhubung dengan persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kapar, Kementerian ini sedang melaksanakan pendataan PATI di dalam negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Imigresen Malaysia yang sentiasa komited untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam selaras dengan fungsi Kementerian Dalam Negeri. Komitmen Kementerian ini dibuktikan dengan tindakan

SOALAN NO : 12

proaktif yang diambil termasuk melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini. Antara operasi yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah seperti OP Patuh dan OP Benteng.

Pada tahun 2021 iaitu sehingga 23 September 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,011 operasi dengan tangkapan seramai 8,037 orang PATI. Manakala pada tahun 2020, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 6,877 operasi dengan tangkapan seramai 22,671 orang PATI. Justeru, menjadikan jumlah keseluruhan operasi dan tangkapan dalam fasa pandemik COVID-19 adalah sebanyak 9,888 operasi dan 30,708 tangkapan PATI.

Usaha pengusiran PATI dalam Depot Imigresen juga dipergiatkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama kedutaan asing. Pada tahun 2020, Kerajaan telah mengusir 37,032 orang PATI. Manakala bagi tahun 2021, Kerajaan telah mengusir seramai 17,313 orang PATI ke negara asal. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pengusiran dalam fasa pandemik seramai 54,345 orang PATI.

Merujuk kepada jumlah PATI yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin, hal ini diselaraskan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.